الصلاة الثالثة والستون: التفريجية

اَللَّهُمَّ صَلِّ صَلاَةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلاَماً تَامًّا عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ تَنْحَلُّ بِهِ الْعُقَدُ وَتَنْفَرِجُ بِهِ الْكُرَبُ وَتُقْضَى بِهِ الْحَوَائِجُ وَتُنَالُ بِهِ الرَّغَائِبُ وَحُسْنُ الْخَوَاتِمِ وَيُسْــتَسْقَى الْغَمَامُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيمِ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ فِي كُلِّ لَمْحَةٍ وَنَفَسٍ بِعَدَدِ كُلِّ مَعْلُومٍ لَكَ

هذه الصلاة التفريجية ذكرها الشيخ العارف محمد حقي أفندي النازلي في خزينة الأسرار ونقل عن الإمام القرطبي أن من داوم عليها كل يوم إحدى وأربعين مرة أو مائة أو زيادة فرج الله همه وغمه وكشف كربه وضره ويسر أمره ونور سره وأعلى قدره وحسن حاله ووسع رزقه وفتح عليه أبواب الخيرات والحسنات بالزيادة ونفذ كلمته في الرياسات وأمّنه من حوادث الدهر وشر نكبات الجوع والفقر وألقى له محبة في القلوب ولا يسأل من الله تعالى شيئاً إلا أعطاه ولا تحصل هذه الفوائد إلا بشرط المداومة عليها وهذه الصلاة كنز من كنوز الله وذكرها مفتاح خزائن الله يفتح الله لمن داوم عليها من عباد الله ويوصله بها إلى ما شاء الله. وقال في موضع آخر من كتابه المذكور ومن الصلوات المجربات الصلاة التفريجية القرطبية ويقال لها عند المغاربة الصلاة النارية لأنهم إذا أرادوا تحصيل المطلوب أو دفع المرهوب يجتمعون في مجلس واحد ويقرؤونها أربعة آلاف وأربعمائة وأربعة وأربعين مرة فينالون مطلوبهم سريعاً ويقال لها عند أهل الأسرار مفتاح الكنز المحيط لنيل مراد العبيد وهي هذه اللهم صل صلاة كاملة

Copyright © Ibn Badawi. All rights reserved. Untuk kegunaan peribadi sahaja. Tidak dibenarkan menciplak tulisan ini, menyalin atau menerbitkannya semula di dalam apa jua bentuk untuk tujuan komersial.

وسلم سلاماً تاماً على سيدنا محمد إلى آخرها كذا أجاز لي الشيخ محمد السنوسي في جبل أبي قبيس ثم الشيخ المغربي ثم الشيخ السيد زين مكي رضي الله عنهم وزاد السنوسي في كل لمحة ونفس بعدد كل معلوم لك وقال من داوم عليها كل يوم إحدى عشرة مرة فكأنها تنزل الرزق من السماء وتنبته من الأرض وقال الإمام الدينوري من قرأ هذه الصلاة دبر كل صلاة إحدى عشرة مرة ويتخذها ورداً لا ينقطع رزقه وينال المراتب العلية والدولة الغنية ومن داوم عليها بعد صلاة الصبح كل يوم إحدى وأربعين مرة ينال مراده أيضاً ومن داوم عليها كل يوم مائة مرة يحصل مطلوبه ويدرك غرضه فوق ما أراد ومن داوم على قراءتها كل يوم بعدد المرسلين عليهم السلام ثلاثمائة وثلاث عشرة مرة لكشف الأسرار فإنه يرى كل شيء يريده ومن داوم عليها كل يوم ألف مرة فله ما لا يصفه الواصفون مما لا عين رأت ولا أذن سمعت ولا خطر على قلب بشر. وقال الإمام القرطبي من أراد تحصيل أمر مهم عظيم أو دفع البلاء المقيم فليقرأ هذه الصلاة التفريجية وليتوسل بها إلى النبي صلى الله عليه وسلم ذي الخلق العظيم أربعة آلاف وأربعمائة وأربعاً وأربعين مرة فإن الله تعالى يوفق مراده ومطلوبه على نيته وكذا ذكر ابن حجر العسقلاني خواص هذا العدد فإنه إكسير في سبب التأثير انتهى جميع ذلك من **خزينة الأسرار** .

Selawat Yang Keenam Puluh Tiga : At-Tafrījiyyah

Wahai Allāh, limpahkanlah selawat yang sempurna, dan limpahkanlah salam yang lengkap, ke atas penghulu kami Muḥammad, [yang] terurailah dengannya segala ikatan, dan terlepaslah dengannya segala kesusahan, dan tertunailah dengannya segala hajat, dan tercapailah dengannya segala cita-cita dan

Copyright © Ibn Badawi. All rights reserved. Untuk kegunaan peribadi sahaja. Tidak dibenarkan menciplak tulisan ini, menyalin atau menerbitkannya semula di dalam apa jua bentuk untuk tujuan komersial.

kesudahan yang baik, dan kerana wajahnya yang mulia, awan mencurahkan hujan, [dan limpahkanlah juga selawat dan salam itu] ke atas keluarganya serta para sahabatnya, pada setiap kerdipan [mata] dan [pada setiap hembusan] nafas, dengan bilangan setiap sesuatu yang Dikau ketahui.

Ini adalah Selawat at-Tafrījiyyah.

Asy-Syaikh al-'Ārif Muḥammad Ḥaqqī Afandī an-Nāzilī telah menyebut tentangnya di dalam [kitabnya yang berjudul] **Khazīnah al-Asrār,** dan telah mengutip daripada al-Imām al-Qurṭubī bahawa sesiapa yang mendawamkannya (yakni membacanya secara rutin atau konsisten) pada setiap hari sebanyak empat puluh satu kali, atau seratus kali, atau lebih, Allāh akan melepaskannya daripada kesedihannya dan daripada kedukaannya, dan akan melapangkannya daripada kesusahannya dan daripada perkara-perkara yang memberikan kemudaratan kepadanya, dan akan memudahkan urusannya, dan akan menerangi rahsianya (yakni batin kepada roh yang merupakan batin kepada kalbu), dan akan meninggikan kedudukannya, dan akan menjadikan baik keadaannya, dan akan meluaskan rezekinya, dan akan membuka pintu-pintu kebaikan dan kebajikan kepadanya dengan tambahan, dan kata-katanya akan terlaksana di dalam segala urusan (yakni dipatuhi dan didengar orang), dan dia akan diamankan daripada keburukan masa dan daripada keburukan kelaparan dan kefakiran, dan akan diturunkan ke atas kalbu-kalbu [manusia-manusia lain] rasa cinta kepadanya. Dan tiadalah dia meminta sesuatu kepada Allāh Ta'ālā melainkan Dia akan memperkenankannya. Dan tiadalah akan berhasil segala faedah ini melainkan dengan syarat pendawaman ke atasnya (yakni membacanya secara rutin atau konsisten pada setiap hari).

Dan selawat ini adalah satu perbendaharaan daripada segala perbendaharaan Allāh, dan ia telah disebut juga sebagai kunci kepada khazanah-khazanah Allāh, yang akan dibukakan oleh Allāh kepada sesiapa yang mendawamkannya dari kalangan hamba-

Copyright © Ibn Badawi. All rights reserved. Untuk kegunaan peribadi sahaja. Tidak dibenarkan menciplak tulisan ini, menyalin atau menerbitkannya semula di dalam apa jua bentuk untuk tujuan komersial.

hamba Allāh, dan orang yang telah pun dikehendaki oleh Allāh untuk sampai kepadanya.

Dan beliau juga telah berkata di bahagian lain kitab yang telah disebutkan itu (yakni **Khazīnah al-Asrār**): Dan di antara selawat-selawat yang mujarab ialah Selawat at-Tafrījiyyah al-Qurṭubiyyah. Dan ia telah dikenali di al-Maghāribah (yakni negara-negara Moroko, Tunisia dan Algeria) sebagai Selawat an-Nāriyyah (yang dibangsakan kepada api), kerana apabila mereka menginginkan keberhasilan sesuatu yang dituntut, atau menolak sesuatu [bencana] yang tidak disukai, mereka akan berkumpul di dalam sebuah majlis dan membacanya sebanyak empat ribu empat ratus dan empat puluh empat kali, maka maksud mereka akan segera tercapai.

Dan di kalangan ahli-ahli rahsia, ia dikenali sebagai Kunci Perbendaharaan Yang Luas Untuk Menyampaikan Hajat Si Hamba, dan ia (yakni ungkapannya) adalah: "Wahai Allāh, limpahkanlah selawat yang sempurna, dan limpahkanlah salam yang lengkap, ke atas penghulu kami Muḥammad . . ." hingga ke akhirnya, sebagaimana yang telah diijazahkan kepadaku oleh asy-Syaikh Muḥammad as-Sanūsī di Jabal Abī Qubais, kemudian daripada asy-Syaikh al-Maghribī, kemudian daripada as-Saiyid Zain Makkī, semoga Allāh meredai mereka.

Dan as-Sanūsī telah memberikan tambahan: Pada setiap kerdipan [mata] dan [pada setiap hembusan] nafas, dengan bilangan setiap sesuatu yang Dikau ketahui.

Dan beliau telah berkata bahawa sesiapa yang mendawamkannya pada setiap hari sebanyak sebelas kali, seakan-akan rezeki akan turun dari langit dan tumbuh dari bumi.

Dan al-Imām ad-Dīnawarī pula telah berkata: Sesiapa yang membaca selawat ini selepas setiap solat sebanyak sebelas kali dan menjadikan ia satu wirid [yang diamalkan secara konsisten], tiada akan terputus rezekinya, dan akan mencapai tingkat yang tinggi dan kedudukan yang mencukupi. Dan sesiapa yang mendawamkannya sebanyak empat puluh satu kali selepas solat Subuh pada setiap hari, akan tercapai apa yang dikehendakinya. Dan sesiapa yang mendawamkannya pada setiap hari sebanyak seratus kali, akan

Copyright © Ibn Badawi. All rights reserved. Untuk kegunaan peribadi sahaja. Tidak dibenarkan menciplak tulisan ini, menyalin atau menerbitkannya semula di dalam apa jua bentuk untuk tujuan komersial.

tercapai apa yang dituntutnya dan ia akan melebihi apa yang dikehendakinya. Dan sesiapa yang mendawamkan pembacaannya pada setiap hari dengan bilangan jumlah para nabi, semoga Allāh melimpahkan salam ke atas mereka, yakni tiga ratus tiga belas kali, untuk membuka rahsia-rahsia, maka dia akan dapat melihat [dengan penglihatan rohani] apa yang dikehendakinya. Dan barangsiapa yang mendawamkannya sebanyak seribu kali pada setiap hari, maka baginya adalah apa yang tiada dapat disifatkan oleh orang-orang yang memberikan sifat (yakni tiada dapat diceritakan keadaannya dengan kata-kata), dari [kurniaan-kurniaan rohani] yang tiada pernah dilihat oleh mata, dan tiada pernah didengar oleh telinga, dan tiada pernah terlintas di kalbu manusia.

Dan telah berkata al-Imām al-Qurṭubī : Sesiapa yang ingin menghasilkan sesuatu urusan penting yang besar, atau menolak bala yang telah datang, hendaklah dia membaca Selawat at-Tafrījiyyah ini dan bertawasul dengannya kepada an-Nabī, semoga Allāh melimpahkan selawat dan salam ke atas baginda, si pemilik budi pekerti yang agung, sebanyak empat ribu empat ratus empat puluh empat kali, sesungguhnya Allah akan memyampaikan kehendaknya dan permintaannya, bersesuaian dengan niatnya.

Dan seperti inilah yang telah disebutkan oleh Ibn Ḥajar as-‘Asqalānī berkenaan keistimewaan bilangan ini (yakni angka 4444), dan ia adalah eliksir untuk menyebabkan penghasilan [sesuatu maksud].

Selesai. Telah dikumpulkan ia (yakni perkara-perkara yang telah disebutkan di atas) di dalam [kitab] **Khazīnah al-Asrār**.

Diterjemahkan oleh Ibn Badawi.

Copyright © Ibn Badawi. All rights reserved. Untuk kegunaan peribadi sahaja. Tidak dibenarkan menciplak tulisan ini, menyalin atau menerbitkannya semula di dalam apa jua bentuk untuk tujuan komersial.